

## KENYATAAN TAWARAN



**KUARI PONDOK LIMAU SDN BHD**  
**NO.SEBUTHARGA : KPLSB/SI/2023-03**

Tawaran ini dipelawa kepada Pembeli/Penjual barang lusuh/besi buruk berstatus warganegara Malaysia yang berminat untuk **Membeli Besi Buruk Terpakai** yang telah dilupuskan di **Kuari Pondok Limau Sdn. Bhd.(KPLSB)**, dan mempunyai lesen berniaga Barang Lusuh dalam bidang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

BIL	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KOD BIDANG	LAWATAN TAPAK	TARIKH TUTUP
1	Menjual Besi Buruk Terpakai di Kuari Pondok Limau Sdn. Bhd.	221902	<b>Tarikh :</b> 10 Oktober 2023 (Selasa) <b>Masa :</b> 10.00 Pagi <b>Tempat :</b> Kuari Pondok Limau Sdn. Bhd. Hulu Paka, 23000 Dungun Terengganu *Diwajibkan	<b>17 Oktober 2023 2023 (Selasa)</b>  <b>12.00 Tengahari</b>

Salinan **Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM)** dan **Lesen Bagi Berniaga Barang Lusuh** yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia yang masih sah tempohnya hendaklah dikemukakan bersekali dengan profile syarikat semasa penyerahan dokumen tawaran tersebut.

Borang sebutharga hanya akan dikeluarkan pada hari lawatan tapak. Pihak syarikat tidak terikat bagi menerima tawaran yang paling tinggi atau sebarang tawaran daripada mana-mana individu. Harga tawaran hendaklah sah dalam tempoh 90 hari dari tarikh lawatan tapak. Borang sebutharga yang telah dilengkapkan hendaklah diisi dalam sampul surat dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga** di alamat berikut:-

**Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan**

**Ketengah Holding Sdn. Bhd.**

Bangunan Ketengah Holding Sdn. Bhd,  
Lot 70029, Jalan Sultan Sultan Zainal Abidin 3,  
Bandar Al-Muktafi Billah Shah,  
23400 Dungun Terengganu.

( **U.P : URUSETIA PELUPUSAN KPLSB** )

Syarat-syarat dan peraturan sebutharga adalah sebagaimana berikut :

- i. Lawatan tapak adalah diwajibkan. Penyebutharga yang tidak menghadiri lawatan tapak tidak akan dinilai.
- ii. Sebutharga hendaklah termasuk membekal tenaga kerja, peralatan dan lain-lain berkaitan.
- iii. Simpanan besi buruk/barang lusuh dianggarkan sebanyak 100 MT. Penyebutharga dikehendaki mengambil kesemua besi buruk atau barang lusuh dengan kelulusan pihak Kuari.
- iv. Kuantiti barang lusuh adalah mengikut timbangan pukal oleh pihak Kuari.
- v. Penyebutharga yang berjaya hendaklah membayar Wang Amanah (deposit) Sebanyak RM 30,000.00 ( Ringgit Malaysia : Tiga Puluh Ribu Sahaja) dalam Draf Bank di atas nama Kuari Pondok Limau Sdn. Bhd. dalam tempoh 14 hari selepas tarikh surat tawaran.
- vi. Tawaran tanpa/kurang deposit sebutharga tidak akan dipertimbangkan
- vii. Jika tidak, Kuari Pondok Limau Sdn. Bhd. berhak untuk melupuskannya semula dan bayaran yang telah dibuat akan dilucutkan. Segala bayaran hendaklah dijelaskan sepenuhnya sebelum aset tersebut boleh dikeluarkan daripada premis kuari.
- viii. Penyebutharga yang berjaya dikehendaki mengambil dan mengeluarkan aset tersebut dalam masa satu (1) bulan selepas bayaran penuh dibuat.

- ix. Segala kos keselamatan bagi kerja-kerja pengambilan, pemotongan serta penghantaran adalah tanggungjawab penyebutharga yang berjaya sendiri.
- x. Penyebutharga hendaklah memastikan tempat bagi kerja-kerja pengambilan barang lusuh tersebut bersih dan kemas selepas kerja-kerja tersebut dijalankan.
- xi. Kerja-kerja pemotongan mestilah mendapat kebenaran dan pengesahan daripada pihak pengurusan Kuari.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“LUAR BANDAR SEJAHTERA”**